



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBr.
Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 5 Disember 2024.

Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	<p>KPWKM SEDIA BANTU ZAHNITA</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/12/04/kpwkm-sedia-bantu-zahnita/</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1162542/kpwkm-sedia-bantu-zahnita#google_vignette</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpwkm-sedia-bantu-zahnita-dan-mangsa-keganasan-rumah-tangga</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-hiburan/keganasan-rumah-tangga-padam-hantaran-di-instagram-zahnita-bangkit-berniaga-499280</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/kpwkm-sedia-bantu-pelakon-zahnita/#google_vignette</p> <p>https://www.threads.net/@hmetromy/post/DDJgVMAILaT</p> <p>https://x.com/hmetromy/status/1864214190623219822</p>	<p>Kosmo</p> <p>Harian Metro</p> <p>Berita RTM</p> <p>Astro Awani</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Threads HM</p> <p>Twitter HM</p>	Positif
2.	<p>PEMERKASAAN OKU LANGKAH PENTING KE ARAH MASYARAKAT INKLUSIF</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pemeriksaan-oku-langkah-penting-ke-arah-masyarakat-inklusif-499265</p>	<p>Astro Awani</p>	Positif

	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/12/1332558/pemeriksaan-oku-langkah-penting-ke-arah-masyarakat-inklusif https://www.bernama.com/misc/rss/news.php?id=2370972	Berita Harian Bernama	
3.	TNB SUMBANG RM1.279 JUTA KEPADA BETTER BRIGHTER ANJUNG KASIH YKN-TNB DI HOSPITAL MELAKA https://www.utusanborneo.com.my/2024/12/04/tnb-sumbang-rm1279-juta-kepada-better-brighter-anjung-kasih-ykn-tnb-di-hospital-melaka	Utusan Borneo	Positif
4.	POLIS TAHAN LELAKI DISYAKI TIKAM IBU HINGGA MATI https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/12/04/polis-tahan-lelaki-20an-disyaki-tikam-ibu-sehingga-mati/ https://www.hotfm.audio/polis-tahan-lelaki-disyaki-tikam-ibu-hingga-mati/ https://www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2024/12/1332901/anak-disyaki-tikam-ibu-dengan-pisau https://www.facebook.com/KLUANGHARIINI/photos/anak-disyaki-tikam-ibu-dengan-pisaukluang-seorang-wanita-maut-disyaki-ditikam-de/1110599324404604/?_rdr https://www.instagram.com/kluanghariini/p/DDKRTDEzz95/ https://gigitankerengga.blogspot.com/2024/12/polis-tahan-lelaki-disyaki-tikam-ibu.html	FMT Hot FM Berita Harian FB KluangHarilni IG KLuangHarilni Blog Gigitan Kerengga	Neutral
5.	JUMLAH MANGSA BANJIR TERUS BERKURANG MALAM INI https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jumlah-mangsa-banjir-terus-berkurang-malam-ini-499331 https://www.bernama.com/misc/rss/news.php?id=2370851	Astro Awani Bernama	Positif

	<p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1162233/jumlah-mangsa-banjir-di-seluruh-negara-menurun-kepada-72620-perlis-pulih#google_vignette</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/700513/berita/semasa/jumlah-mangsa-banjir-terus-berkurang</p> <p>https://www.bernama.com/misc/rss/news.php?id=2371208</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/banjir-penduduk-terjejas-di-enam-negeri-catat-penurunan</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/700361/berita/semasa/jumlah-mangsa-banjir-7-negeri-catat-penurunan</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Bernamea</p> <p>Berita RTM</p> <p>Sinar Harian</p>	
6.	<p>TUMPAT, PASIR MAS DAN BACHOK MASIH TERJEJAS BANJIR</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/700542/edisi/kelantan/tumpat-pasir-mas-dan-bachok-masih-terjejas-banjir</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/keadaan-banjir-di-6-negeri-beransur-pulih#google_vignette</p> <p>https://www.bernama.com/misc/rss/news.php?id=2371123</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Bernamea</p>	Positif
7.	<p>BAYI 11 BULAN DENGAN MASALAH PENDENGARAN PERLU IMPLAN SEGERA</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2024/12/04/bayi-11-bulan-dengan-masalah-pendengaran-perlu-implan-segera</p>	<p>Utusan Borneo</p>	Neutral
8.	<p>EMPAT RUMAH DI PUTATAN TERBAKAR, 20 HILANG TEMPAT TINGGAL</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1162716/4-rumah-terbakar-lebih-20-penghuni-terjejas#google_vignette</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/12/1332919/20-tinggal-sehelai-sepinggang-empat-rumah-musnah-terbakar#google_vignette</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Berita Harian</p>	Neutral

	https://www.asiatimes.com.my/2021/04/22/20-rumah-musnah-terbakar/	Asia Times	
9.	<p>REMAJA LELAKI DIHANYUTKAN ARUS DERAS DI SUNGAI NERAM DITEMUKAN LEMAS</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2024/12/04/remaja-lelaki-dihanyutkan-arus-deras-di-sungai-neram-ditemukan-lemas</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/mayat-remaja-lelaki-ditemukan-lemas-di-sungai-neram/#google_vignette</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/700342/berita/semas-a/remaja-lelaki-dihanyutkan-arus-deras-di-sungai-neram-ditemukan-lemas</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/remaja-lelaki-dihanyutkan-arus-deras-di-sungai-neram-ditemukan-lemas-499211</p>	<p>Utusan Borneo</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Astro Awani</p>	Neutral
10.	<p>EMPAT WANITA DITAHAN DISYAKI SAMUN RANTAI WARGA EMAS</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/empat-wanita-ditahan-disyaki-samun-rantai-warga-emas-499338</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/700514/berita/semas-a/empat-wanita-ditahan-kes-samun#google_vignette</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1162718/samun-rantai-warga-emas-4-wanita-ditahan</p> <p>https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/12/05/4-wanita-ditahan-samun-rantai-warga-emas/</p>	<p>Astro Awani</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Harian Metro</p> <p>FMT</p>	Neutral

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

KPWKM SEDIA BANTU ZAHNITA



MELAKA – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bersedia menghulurkan bantuan khidmat nasihat dan kaunseling kepada pelakon dan bekas peragawati, Zahnita Dorothy Hussein Wilson, 39, yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, pihaknya memandag serius kes berkenaan dan menyerahkan sepenuhnya siasatan kepada pihak polis.

Katanya, kementerian juga tidak mahu mengganggu siasatan polis selain memberi ruang kepada Zahnita untuk bertenang.

“Saya baru ketahui hal ini semalam dan dimaklumkan pihak polis sedang menjalankan siasatan. Jadi kita tidak mahu campur tangan. “Kita hanya akan melakukannya jika dia (Zahnita) perlu (mint). Ini kerana jika mahu masuk campur perlu ada kesediaan di pihak mangsa,” katanya pada sidang akhbar Majlis Perasmian Better Brighter Anjung Kasih Yayasan Kebajikan Negara (YKN)-Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Hospital Melaka di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kesediaan kementeriannya memberikan sokongan kepada Zahnita.

Tambah Nancy, KPWKM sentiasa menggalakkan golongan wanita yang menjadi mangsa atau yang mengetahui kejadian seumpamanya untuk melaporkan kepada pihak berkuasa. – KOSMO! ONLINE

PEMERKASAAN OKU LANGKAH PENTING KE ARAH MASYARAKAT INKLUSIF



h berkata kekurangan kemudahan awam mesra OKU dan pengangkutan awam yang tidak inklusif menjadi halang kepada mobiliti mereka. - Foto JKM/BERNAMA

KUALA LUMPUR: Pemeraksanaan golongan Orang Kurang Upaya (OKU) adalah satu langkah penting ke arah mewujudkan masyarakat yang inklusif di negara ini, kata Ketua Penolong Pengarah Jabatan Pembangunan OKU Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Datin Dr Rozbizah Abd Aziz.

Beliau berkata setiap individu, tanpa mengira kekurangan fizikal, mental atau deria, perlu diberikan peluang lebih besar untuk menjadi pemimpin dalam pelbagai sektor, sekali gus menyumbang kepada pembangunan negara.

Rozbizah berkata OKU harus diberikan peluang untuk terlibat dalam politik dan kepimpinan negara supaya mereka boleh menyuarakan isu-isu yang dihadapi OKU serta memperjuangkan hak-hak mereka dalam pembuatan dasar.

"Sektor swasta dan keusahawanan pula akan memberi peluang kerjaya dan keusahawanan apabila dibuka luas kepada OKU.

"Dengan adanya sokongan seperti latihan kemahiran, akses kepada pembiayaan dan promosi inklusif dalam tempat kerja, OKU boleh menjadi usahawan atau pemimpin dalam industri yang mereka ceburi," katanya dalam kenyataan semalam.

TNB SUMBANG RM1.279 JUTA KEPADA BETTER BRIGHTER ANJUNG KASIH YKN-TNB DI HOSPITAL MELAKA

ALA LUMPUR: Tenaga Nasional Berhad (TNB) menyumbang sebanyak RM1.279 juta bagi kerja naik taraf bangunan, perabot, kemudahan, dan kos penyelenggaraan selama lima tahun Better Brighter Anjung Kasih YKN-TNB di Hospital Melaka.

Fasiliti Anjung Kasih yang ditubuhkan pada tahun 2019 dengan tajaan penuh daripada TNB, rakan strategik Yayasan Kebajikan Negara (YKN), telah dinaik taraf untuk meningkatkan kemudahan sedia ada.

Anjung Kasih YKN menyediakan penginapan sementara untuk keluarga dan penjaga pesakit hospital yang tidak mampu membayar kos penginapan hotel.

Perkhidmatan ini memastikan keselesaan, keselamatan, dan kualiti, sekali gus meringankan beban kewangan serta memberikan sokongan kepada keluarga pesakit yang menjalani rawatan di hospital kerajaan.

Sejak penubuhannya pada tahun 2006, Anjung Kasih YKN telah memberi manfaat kepada 107,633 individu di 19 fasiliti di seluruh negara.

TNB telah menjadi penyokong utama sejak tahun 2018 dengan menaja tiga fasiliti Better Brighter Anjung Kasih di Hospital Serdang, Hospital Raja Perempuan Zainab II di Kota Bharu, dan Hospital Melaka.

Selain menyokong Anjung Kasih, TNB juga aktif menyumbang kepada program-program YKN, termasuk bantuan makanan dan sumbangan mesin dialisis kepada Pusat Dialisis YKN melalui inisiatif Pelitawanis.

Jumlah sumbangan TNB kepada YKN mencecah RM6.5 juta, membantu pelbagai kumpulan komuniti di bawah jagaan kementerian.

Usaha TNB ini juga sejajar dengan matlamat peralihan tenaga Malaysia di bawah Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional (NETR), yang menyasarkan pelepasan karbon sifar bersih menjelang tahun 2050.

Inisiatif-inisiatif ini mencerminkan komitmen TNB terhadap pemberdayaan komuniti serta pelaburan dalam tenaga mampan.

YKN mengalu-alukan sumbangan dan kerjasama lanjut daripada syarikat korporat, Non-Government Organization (NGO), dan individu untuk memperluaskan perkhidmatan Anjung Kasih di hospital-hospital kerajaan.

Sumbangan tunai layak mendapat potongan cukai di bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Sementara itu, pelancaran Better Brighter Anjung Kasih YKN-TNB di Hospital Melaka semalam telah dirasmikan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri.

POLIS TAHAN LELAKI DISYAKI TIKAM IBU HINGGA MATI



Polis berkata suspek dipercayai mencederakan mangsa menggunakan pisau. (Gambar fail)

PETALING JAYA:

Polis menahan seorang lelaki berusia lingkungan 20-an berhubung kematian wanita dipercayai ibunya di Kluang, Johor, pagi tadi.

Ketua Polis Kluang, Bahrin Mohd Noh, berkata pihaknya menerima maklumat daripada orang awam kira-kira 10.45 pagi mengenai seorang wanita tempatan usia 50-an ditemukan dalam keadaan terbaring dan tidak sedarkan diri di Felda Ayer Hitam, Sri Lalang.

“Terdapat kesan tikaman di belakang badan mangsa. Suspek dipercayai menggunakan pisau,” katanya menurut Bernama.

Wanita itu disahkan meninggal dunia sebaik tiba di Hospital Enche’ Besar Hajjah Khalsom.

Bahrin berkata, pihaknya kemudian menahan seorang lelaki di lokasi kejadian kira-kira 11 pagi.

Katanya, siasatan mendapati suspek tidak mempunyai rekod jenayah selain ujian urin negatif.

“Suspek akan direman esok dan kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan,” katanya.